# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
# JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
# BERITA PERIKANAN HARI INI

**8 September 2020**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | • Benih udang galah dilepas ke sungai |
| **Berita Harian** | • |
| **Harian Metro** | • |
| **Kosmo !** | • Nelayan Vietnam langgar bot APMM |
| **Sinar Harian** | • |
| **The Star** | • |
| **New Straits Time** | • |
| **Nanyang Siang Pau** | • |
| **Malaysia Gazette** | • |
| **Harakah** | • |
| **Malaysia Dateline** | • |
| **Bernama** | • |
| **See Hua Daily News (Kuching)** | • |
| **Guan Ming Daily** | • |
| **Sin Chew Daily** | • |

| JENIS AKHBAR | | | | | | | | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO ! | / | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | | |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI .............................. | | | |
| KATEGORI LIPUTAN : POSITIF | | NEGATIF | | NEUTRAL | | | | 17 | 8/9/2020 |



BOT nelayan asing [illegible]

Warga asing agresif lepas ceroboh, curi hasil laut

# Nelayan Vietnam langgar bot APMM

[illegible]

KUDAT – Sebuah bot nelayan Vietnam bertindak agresif melanggar sebuah bot ronda pihak berkuasa sehingga menyebabkan kerosakan di Pulau Malawali di sini pada Sabtu lalu.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 pagi itu, bot yang dinaiki lapan warga Vietnam termasuk seorang tekong berusia 22 hingga 53 tahun didapati menceroboh dan mencuri hasil laut di kawasan berkenaan.

Pengarah Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kudat, Komander Maritim Boon Chin Chau berkata, pihaknya yang melakukan Op Pasir Timur mengesan sebuah bot nelayan tanpa nombor pendaftaran di kawasan perairan tersebut.

"Semasa dihampiri dan diarah berhenti, tekong bot tidak memberi kerjasama dan memecut laju. Bot ronda APMM kemudian mengekori bot berkenaan.

"Ketika bot ronda APMM cuba merapati bot nelayan itu, tekong bot secara tiba-tiba mengubah haluan dan bertindak agresif melanggar aset APMM," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut beliau, bot nelayan itu bagaimanapun dapat ditahan setengah jam kemudian.

Chin Chau berkata, pemeriksaan mendapati tekong dan empat awak-awak tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri manakala tiga lagi mempunyai paspon.

"Pemeriksaan di dalam bot itu menjumpai hasil tangkapan ikan basah seberat 200 kilogram serta 5,000 liter diesel. Keseluruhan rampasan dianggarkan RM500,000.

Bot nelayan asing itu dibawa ke Jeti Marina di sini untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985, Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 186 Kanun Keseksaan.

Semua awak-awak termasuk tekong bot turut menjalani ujian saringan COVID-19 oleh kakitangan Klinik Kesihatan Kudat sebagai langkah berjaga-jaga.